

Peguam Negara jamin siasatan kematian Adib dibuat secara profesional **Tiada pesalah akan terlepas**

KUALA LUMPUR – Peguam Negara, Tan Sri Tommy Thomas semalam menegaskan bahawa tiada yang akan terlepas apabila pejabat Pendakwa Raya mendapat kertas siasatan daripada polis setelah mengenal pasti suspek yang terlibat dalam kes kematian Muhammad Adib Mohd. Kasim.

Beliau berkata, kertas siasatan itu akan diteliti dengan berhati-hati dan secara profesional.

“Orang ramai harus diberikan jaminan bahawa pejabat Pendakwa Raya mengambil serius tanggungjawabnya di bawah undang-undang. Ini ialah janji kami” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, terdapat banyak spekulasi yang kebanyakannya memberikan maklumat



MIOR



TOMMY

yang salah berhubung langkah yang perlu diambil berikutan keputusan Koroner Rofiah Mohamad pada penghujung inkuies yang dijalankan ke atas kematian Muhammad Adib.

Tommy berkata, Koroner telah memutuskan bahawa dua atau tiga individu telah mengakibatkan kematian Muhammad Adib dan mengarahkan polis untuk menyambung siasatan mereka.

Sementara itu, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pen-



VAN Unit Bantuan Perkhidmatan Kecemasan dinaiki Muhammad Adib yang dirosakkan perusuh di Subang Jaya pada 27 November tahun lalu.

dakwaan dan Undang-Undang Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner Mior Faridalatrash Wahid meminta orang ramai yang mempunyai maklumat ber-

hubung kejadian rusuhan itu tampil membantu.

“Setakat ini, kita belum ada bukti tambahan dan tiada saksi baharu dipanggil bagi membantu siasatan,” katanya pada



KERATAN Kosmo!
28 September 2019.

sidang akhbar di Bukit Aman di sini semalam.

Jelasnya, siasatan kes kematian Muhammad Adib tidak pernah ditutup dan masih dijalankan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Muhammad Adib, 24, yang merupakan anggota Unit Bantuan Perkhidmatan Kecemasan, Balai Bomba dan Penyelamat Subang Jaya meninggal dunia di Institut Jantung Negara di sini pada 17 Disember lalu selepas 21 hari bertarung nyawa.